

## **Novel Ibnu Ahmad Al-Kurauwi: Manifestasi Hubungan Antara Manusia Dan Khalifah Di Bumi Allah**

**Ibnu Ahmad Al-Kurauwi's Novel: Manifestation of the Relationship Between Humans and the Earth God's Caliph**

Amir Zakiy Bin Hamzah  
Che Abdullah Bin Che Ya

Program Persuratan Melayu,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

[cheabad@ukm.edu.my](mailto:cheabad@ukm.edu.my)

### **ABSTRAK**

*Novel Insyirah dan Penenun Cinta merupakan karya Ibnu Ahmad Al-Kurauwi terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2009 dan 2016. Kedua-dua novel mengangkat persoalan Islam dengan beberapa amalan murni yang dituntut dalam ajaran Islam. Kertas kerja ini meneliti peranan manusia sebagai khalifah di bumi Allah serta hubungannya sesama manusia dan hubungan dengan Allah. Penelitian dilakukan dengan menggunakan teori Takmilah yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar. Tujuh prinsip teori Takmilah iaitu prinsip Ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip Kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip Keislaman yang bersifat akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takamul, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat takmilah, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikalkan diri serta prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil dikenangkan dalam memastikan wujudnya kesempurnaan manifestasi hubungan antara manusia dan Allah Taala. Melalui penelitian Takmilah mendapati bahawa kedua-dua novel merupakan karya yang baik dan selari dengan tujuh prinsip teori seperti yang digariskan oleh Shafie Abu Bakar. Konsep Ketuhanan, Kerasulan, Keislaman, ilmu, sastera, pengarang dan pembaca saling melengkapi dalam membentuk satu kesatuan. Sesungguhnya, karya Ibnu Ahmad Al-Kurauwi merupakan manifestasi hubungan manusia dan khalifah di bumi Allah.*

**Kata kunci:** Khalifah, Kamal, Akmal, Takmilah, Manifestasi.

### **ABSTRACT**

*The novels Insyirah and Weaver of Love are the work of Ibnu Ahmad Al-Kurauwi's publication of the Dewan Bahasa dan Pustaka in 2009 and 2016. The two novels raised the question of Islam with some pure practices demanded in Islamic teachings. This paper examines the role of human being as khalifah in God's earth and its relationship with fellow human beings and the relationship with God. The research was conducted using the Takmilah theory proposed by Shafie Abu Bakar. Seven Takmilah theoretical principles of Kamal, the principle of Apostolicism as Kamil, the principle of Islamic nature, the principles of science and the superlative literature, the essence of the aesthetic and theatrical nature of the literary essence, the principle of the self-purifying creator and the principle audiences aimed at nurturing them towards Kamil's people are highlighted in ensuring the perfection of the manifestations of the relationship between man and Allah. Through Takmilah's research finds that both novels are good works and in parallel with the*

*seven theoretical principles as outlined by Shafie Abu Bakar. The concept of God, Apostle, Islam, science, literature, authors and readers complement each other in forming a single entity. Indeed, the work of Ibn Ahmad Al-Kuraawi is a manifestation of human relations and the caliphs on God's earth.*

**Keywords:** *The Caliph, Kamal, Akmal, Takmilah, Manifestation.*

## 1. Pengenalan

Ibnu Ahmad Al-Kuraawi merupakan penulis tanah air yang prolifik dalam menghasilkan karya kesusasteraan berwajah Islam. Beliau seorang yang cukup teliti dalam menerapkan ayat-ayat Al-Quran dan hadith yang sahih agar tidak disalah tafsir. Keseriusan dalam menghasilkan karya islamik ini mula berkembang dalam diri beliau sesudah berlakunya kemuncak terhadap polemik Sastera Islam pada era 70-an. Polemik melibatkan Sastera Islam telah lama muncul di Malaysia melalui Shahnon Ahmad dan Kassim Ahmad. Keadaan ini seterusnya memperlihatkan sumbangan pihak-pihak tertentu dalam penglibatan kesusasteraan Melayu-Islam dengan mengadakan hadiah, peraduan dan sayembara yang bersangkutan dengan Islam. Oleh yang demikian, kajian ini akan meneliti novel *Insyirah* dan *Penenun Cinta* yang merupakan dua buah novel yang mengangkat tema dan persoalan mengenai hidup berlandaskan Islam. Novel tersebut juga telah memenangi peraduan yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2007 dan 2013. Kedua-dua buah novel tersebut telah dihasilkan oleh Ibnu Ahmad Al-Kuraawi atau nama sebenarnya Haji Azman bin Haji Ahmad. Pengkajian ini menggunakan sebuah teori bersifat keislaman iaitu Takmilah.

Teori ini cuba memanifestasikan secara jelas hubungan manusia dengan Pencipta dan khalifah di muka bumi Allah. Ibnu Ahmad Al-Kuraawi seorang penulis muda yang sememangnya dikenali oleh kebanyakan sarjana sastera sebagai penulis Islam yang mapan. Beliau bukan sahaja menjurus ke arah genre novel, malahan genre cerpen dan puisi juga diangkat berlandaskan kepada tema keislaman. Kepengarangan beliau dalam bidang penulisan sastera mula dikesan melalui penyertaan dalam Kelab Penulis Zaharah Nawawi (KEPEZI) pada tahun 2004. Melalui bimbingan tersebut, Ibnu Ahmad Al-Kuraawi mula menampakkan keseriusan hingga terhasilnya novel beliau yang pertama iaitu *Tinta Elipsis* pada tahun 2007. Berdasarkan kecenderungan melalui kajian, objektif kajian yang berikut dapat digariskan dan diperincikan. Konteks kajian kritikan ini menggunakan teori sastera, kajian ini akan mengetahui sejauh mana keberkesanan manifestasi hubungan manusia dengan Pencipta dan khalifah melalui teori Takmilah. Berdasarkan objektif ini juga, kajian meneliti dan memahami hubungan keislaman melalui tujuh prinsip yang terkandung dalam Takmilah dan hubung kaitnya antara manusia dan Pencipta. Objektif lain kajian ini adalah melihat unsur dan ajaran yang menyelewengkan. Penghuraian watak dan perwatakan selain plot yang akan diketengahkan akan dipastikan kesahihannya tanpa berlaku sebarang prasangka dan tuduhan terhadap kesucian agama.

## 2. Sorotan Literatur

Novel yang dinukilkan oleh Ibnu Ahmad Al-Kuraawi sememangnya kurang dianalisis khususnya dari sudut pandang kajian ilmiah. Walau bagaimanapun, citra teori Takmilah banyak yang telah dianalisis oleh para sasterawan terutamanya dalam bidang penulisan ilmiah untuk penghasilan sesuatu kertas kerja. Dalam bukunya *Madha Ya'ni al-Yasar Islami Kitabat fial-Nahdalah al-Islamiyyah* (1981), Hassan Hanafi menjelaskan bahawa penulis-penulis Islam harus menjiwai penulisannya dengan roh-roh keislaman. Pengkaji menyifatkan bahawa mereka haruslah kembali kepada Al-Quran dan sentiasa berkata yang

hak seperti yang dituntut oleh Allah. Mustafa Haji Daud (dalam Maniyamin Ibrahim, 2009: 92), menyatakan bahawa aspek pengindahan dan penyempurnaan karya dalam teori Takmilah berpaksikan kepada tiga nilai iaitu keindahan, kebenaran dan kebaikan. Ketiganya nilai itu juga merupakan sebahagian daripada nilai Islam dengan penambahan kepada nilai keadilan.

Kajian oleh Nordin Mohamad (1997), menggunakan teori Takmilah untuk melihat sejauh mana penerapan nilai-nilai Islam berjaya diterapkan oleh Shahnon Ahmad dalam novel-novelnya. Antara novel yang dipilih ialah *Ranjau Sepanjang Jalan*(1966), *Protes*(1967), *Al-Syiqaq*(1985), *Tuk Guru*(1988) dan novelet *TIVI*(1995). Rahmanmat (1997), menyatakan bahawa apabila kita ingin membangunkan masyarakat Islam melalui Sastera Islam, maka kita perlu berada di atas pengetahuan keislaman. Hal ini demikian kerana untuk memastikan setiap pengetahuan yang ingin disebarluaskan itu selari dengan Islam dan bukan hanya rekaan pengarang semata. Tambahan pula, beliau mengatakan bahawa perintah Allah yang mencakupi beribadat kepada Allah menerangkan hubungan manusia dengan Allah (*Dewan Sastera*, 1997: 6).

Ros Zakaria (2002), menyentuh tentang aspek nafsu yang menggunakan teori Takmilah sebagai landasan kajian yang berjudul “ Martabat nafsu dalam novel-novel Shahnon Ahmad.” Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana martabat nafsu yang terkandung dalam novel Shahnon Ahmad iaitu novel *Rentong*(1965) dan *Nurul Anak Papaku*(1999). Menurut Engku Ibrahim Ismail (dalam Kamariah Kamarudin, 2011: 104), menegaskan bahawa kreativiti manusia hanya dapat lahir dengan rahmat Allah *the divine mercy* yang memancar keluar di dalam hati atau jiwa yang safi (bersih atau suci). Maka, segala hasil ciptaan seni adalah dihubungkan dengan kekayaan dan kebesaran Allah, kerana manusia tidak dapat mencipta sesuatu melainkan tanpa pertolongan Allah.

Hashim Awang (dalam Kamariah Kamarudin, 2011: 108), menjelaskan bahawa manusia berusaha ke arah melakukan kreativiti yang dapat mencapai taraf kesempurnaan, iaitu taraf yang padanya terkandung segala nilai ketinggian, keindahan, kebaikan dan kebenaran, biarpun tidak setepat atau sesempurna seperti sifat dan kreativiti Allah. Shafie Abu Bakar (dalam Maniyamin bin Haji Ibrahim, 2005: 7), menganalisis teori Takmilah iaitu dalam dua artikelnya yang masing-masing berjudul ‘Teks *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin*: Sebagai Model Sastera Islam’ dan ‘*Kau dan Aku*: Analisis Takmilah’. Rafeah Sapari (dalam Maniyamin bin Haji Ibrahim, 2005: 7), dengan judul *Antalogi Cerpen ‘Perjalanan Yang Jauh’ dan ‘Baitullah Ke Nabilah’*: Analisis Dari Sudut Takmilah; menerapkan teori Takmilah untuk mengkaji dan membandingkan nilai yang bertema keislaman. Ismail Ibrahim (2011: 107), memperkatakan bahawa proses kreativiti dalam konteks teori Takmilah memerlukan komitmen penulis. Hal ini agar dapat menyerlahkan potensi penulisannya untuk mengangkat kecemerlangan dan ketamduan Islam.

Menurut Kamariah Kamarudin (2016), novel Shahnon Ahmad yang bertajuk *Revolusi yang Ditangguhkan* berdasarkan perspektif Takmilah, menyarankan agar manusia menuju kepada kesempurnaan dalam kehidupan. Selain itu, beliau juga mengatakan bahawa S.M. Noor melalui novel *Pasir Lintang*, menggunakan teknik *tazkiyah al-Nafs* cetusan Imam Al-Ghazali berdasarkan empat sifat yang dituntut dalam Islam iaitu sabar, taubat, berharap dan gerun. Tambahan pula, novel *Kuasa Kata dari Lisan Mengalir ke Lautan Aksara* nukilan Mahaya Mohd. Kassim, mengatakan bahawa kepentingan *wasilah* dan *ibrah* dalam konteks gagasan teori Takmilah mengetengahkan hubungan antara tiga perkara utama iaitu karya, pengkarya dan khalayak dijadikan asas dalam pengkaryaan.

### 3. Metodologi

Keseluruhan kajian dalam penyelidikan ini menggunakan kajian kepustakaan memandangkan kaedah ini paling sesuai digunakan. Bahan-bahan yang terdapat di dalam perpustakaan menjadi rujukan terbaik untuk menghuraikan landasan teori dalam beberapa bab atau bahagian. Menerusi kajian ini, banyak maklumat daripada kajian sarjana, ulasan artikel dan buku-buku teori mengenai perbincangan yang berkisar dengan tajuk kajian yang ingin diperolehi. Situasi ini perlu bagi mengetahui maklumat yang jelas dan terperinci berkaitan bidang kajian daripada dipengaruhi oleh anasir-anasir luar yang tidak bermanfaat. Seusai dengan tujuan kajian, data yang dikumpulkan menerusi kajian kepustakaan ialah meneliti tujuh prinsip dalam teori Takmilah yang bersusur galurkan aspek keislaman dalam novel *Insyirah* dan *Penenun Cinta*.

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan ini menggunakan metodologi kualitatif kerana melibatkan pembacaan yang rapi dan pentafsiran sumber. Pentafsiran yang menggunakan sudut pandang teori Takmilah mampu melihat dengan jelas hubungan manifestasi manusia dengan Pencipta dan khalifah dalam novel yang ingin dikaji. Kaedah metodologi lain yang digunakan ialah temu bual. Maklumat untuk mendapatkan mengenai latar diri pengarang melalui temu bual bersama rakan penulis seangkatan beliau adalah amat bersesuaian untuk mendapatkan pandangan diri kepenggarangan beliau. Hal ini bermakna bukan sahaja kaedah kepustakaan itu digunakan untuk hampir keseluruhan kajian bahkan data yang lebih bersifat kekinian mengenai peribadi penulis dapat diperolehi.

### 4. Dapatan dan Perbincangan

Novel *Insyirah* mengisahkan tentang watak seorang remaja bernama bernama Insyirah dalam mengharungi usia remaja bersama ayahnya setelah kematian ibu. Kisah keremajaan ditonjolkan dalam keseluruhan penceritaan sambil diselang selikan dengan ajaran Islam. Novel *Penenun Cinta* pula mengisahkan tentang diri seorang tua yang bernama imam dalam usaha mencari jalan keredhaan di sisi Allah. Suka dan duka bercampur kenangan silam diperihalkan dari awal sehingga ke akhir penceritaan. Melalui analisis teori Takmilah akan memperlihatkan tujuh prinsip iaitu prinsip Ketuhanan yang bersifat *Kamal*, prinsip Kerasulan sebagai insan *Kamil*, prinsip Keislaman yang bersifat *Akmal*, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat *Takamul*, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat *Takmilah*, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri serta prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *Kamil*.

#### 4.1 Prinsip Ketuhanan yang bersifat Kamal

Prinsip pertama ini berkait rapat dengan kesempurnaan dan kebesaran Allah Taala. Prinsip ini secara mudahnya akan menggambarkan bahawa Allah Taala itu sebagai Pencipta semesta alam yang tiada tolok bandingnya. Kitab suci Al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dianggap sebagai sifat ketuhanan yang begitu agung sebagai memberi satu panduan kepada umat manusia khususnya di akhir zaman. Melalui erti kata lain, penurunan kitab suci Al-Quran sebagai wahyu dari Allah Taala kepada Rasulullah untuk bacaan kepada semua umat manusia. Al-Quran merupakan kalam Allah dan kita suci itu lebih mulia darjatnya dari kitab Taurat, Dzabur dan Injil yang diturunkan kepada para Rasul sebelumnya. Hal ini dapat diperhatikan melalui petikan berikut:

“Tapi Syirah kagum dengan azan dan ayat-ayat Al-Quran yang boleh menundukkan iblis dan syaitan tu!” tambahku lagi. “Sayang, al-Quran akan kuat andainya ia duduk di sini!” Walid menunjuk ke arah dada bidangnya. Aku semakin bersungguh untuk mendengarnya. “Al-Quran bukan untuk

ditangkalkan dan bukan juga untuk dibingkaikan cantik-cantik kemudian dijadikan perhiasan di dinding-dinding atau sekadar dikagumi khasiat itu dan khasiat ini. Tetapi itu kalam Tuhan; hendaklah dibaca, difahami, diamalkan dan diimani isi kandungannya.”

(Azman Ahmad, 2009: 36)

Petikan novel *Insyirah* ini berlaku ketika satu suasana yang terjadi di depan mata *Insyirah* yang membuatkan dirinya seakan hilang semangat dan diselubungi ketakutan. Kes kerasukan yang menimpa anak Haji Hussim iaitu Syila seakan-akan memberi satu iktibar kepada *Insyirah* untuk lebih mendekatkan diri dengan Allah Taala. Kekuatan untuk beribadah kepada Allah Taala dengan menjadikan kalam Tuhan iaitu Al-Quran sebagai pegangan hidup akan lebih membuatkan diri seseorang itu kuat dari segi akidah dan ketauhidannya. Hal ini demikian kerana, Al-Quran sejak berkurun lamanya telah diperakui akan mukjizat dan kehebatannya sehingga tiada satupun mana-mana kitab atau penulisan buku di dunia yang boleh menandingi kewibawaannya. Kenyataan ini sejajar dengan Shafie Abu Bakar yang mengatakan bahawa tidak ada karya ciptaan manusia yang mampu menyamai apatah lagi menandingi Al-Quran (dalam Sahlan Mohd Saman, 1999: 60).

Kejadian kerasukan yang menimpa Syila memberi paparan bahawa wanita yang lemah semangat, jauh dari amalan pembudayaan bacaan Al-Quran dan suram pegangan agama akan lebih terdedah dengan situasi sedemikian. Sikap sentiasa bertadabbur ketika membaca Al-Quran sudah pasti akan mendekatkan diri kepada Allah Taala serta mengakui kebesaranNya dalam mengatasi segala masalah dan ujian dunia. Kenyataan sedemikian telah membuatkan walid menyuruh *Insyirah* agar lebih mendampingi dengan kitab suci Allah Taala itu kerana segala kisah dan khasiat di dalam Al-Quran adalah penawar bagi segala penyakit di dunia. Situasi ini dengan jelas menunjukkan bahawa keesaan ayat-ayat Allah Taala yang disalurkan di dalam Al-Quran melambangkan bahawa Allah Taala itu sememangnya berkuasa terhadap sesuatu perkara. Kewibawaan Al-Quran ini turut memerihalkan kisah nabi dan umat yang terdahulu dalam novel *Penenun Cinta*:

“Maka sebab itu, Allah menurunkan rahmatNya kepada umat Nabi Yunus. Langit gelap yang meliputi kota menjadi terang dan tenang. Kemudian kembalilah umat Nabi Yunus itu pulang ke rumah masing-masing dengan penuh rasa gembira dan syukur kepada Allah yang telah menerima doa dan permohonan mereka”.

(Ibnu Ahmad Al-Kurauwi, 2016: 137)

Monolog dalaman ini diketengahkan melalui watak imam tua ketika berada di alam koma. Imam tua cuba memikirkan tentang kebesaran dan keesaan Allah Taala dengan memberi rahmat dan pengampunan kepada Nabi Yunus serta menghalang azab dari menimpa umatnya. Hal ini dapat dibuktikan apabila dalam kitab suci Al-Quran ada menyatakan bahawa umat Nabi Yunus merupakan antara umat yang tidak diberikan bala dan azab oleh Allah berbanding dengan umat kaum Thamud, Luth dan kaum Ad. Situasi itu membuktikan tentang kebesaran dan sifat “Akmal” Allah Taala untuk difikirkan oleh umat manusia. Imam tua memohon doa agar diberikan pengampunan seperti Nabi Yunus dan umatnya dan membebaskan dia daripada kegelapan yang dihadapinya pada ketika itu.

Kisah Nabi Yunus Alaihi Salam yang ditelan ikan Nun diumpamakan seperti kejadian yang menimpa dirinya. Ketika berada dalam keadaan kegelapan tanpa sebarang pertolongan dan cahaya membuatkan imam tua seakan hilang hala tuju dan arah. Sebaliknya, hanya pertolongan dari Allah Taala sahaja yang mampu menyelamatkan dirinya seperti pertolongan Allah kepada Nabi Yunus di saat baginda di dalam perut ikan. Melalui peristiwa tersebut, hubungan manusia kepada Pencipta dijelaskan secara nyata dalam konsep seorang hamba dan Rasul dalam mendambakan cinta kepada Tuhan Yang

Esa. Bukan sahaja ditimpa sebarang musibah atau pun malapetka untuk diri seseorang itu mengingati Tuhan bahkan ketika senang juga, seseorang itu wajib itu melihat kebesaran Tuhan.

#### **4.2 Prinsip Kerasulan sebagai Insan Kamil**

Teori Takmilah juga menegaskan hubungan manusia dengan Nabi Muhammad SAW sebagai Insan Kamil. Insan Kamil ini dirujuk kepada kemampuan insan menjadi pemimpin di bumi Allah apabila insan itu mencapai keperluan dan syarat-syarat sebagai Khalifah. Antaranya berilmu dan berkeperibadian tinggi serta mengambil contoh sikap, perilaku dan perbuatan Rasulullah. Prinsip kedua dalam teori Takmilah ini berbeza dengan sastera Profetik yang digagaskan oleh Dr. Kuntowijoyo. Teori Takmilah meletakkan prinsip ini sebagai prinsip yang kedua berbanding sastera Profetik yang meletakkan prinsip Kerasulan Nabi Muhammad SAW sebagai tunjang utama seiring dengan sejarah nama teorinya. Namun, kedua-duanya berpaksi di bawah interpretasi yang sama iaitu meletakkan Nabi Muhammad SAW sebagai imej utama untuk ditiru perbuatannya dalam segenap hal dan perkara. Kenyataan ini dapat diterjemahkan melalui perilaku berikut:

“Di luar, rintik hujan bagai tiada penghujung. Kukira hujan ini bukan petanda bala, tetapi rahmat yang Maha Esa buat sekalian makhluk-Nya. Kata walid, contohi junjungan Nabi. Apabila baginda melihat hujan turun, baginda akan berdoa. “Ya Allah, jadikan hujan ini hujan yang memberi manfaat”.

(Azman Ahmad, 2009: 46)

Rutin seharian walid adalah seperti biasa apabila hendak pergi ke tempat kerja sambil diperhatikan Insyirah. Walid mengatakan bahawa hujan yang turun merupakan satu rahmat di atas muka bumi Allah dan manusia amat ditegah untuk tidak menyenangi kehadiran hujan tidak kira pagi atau malam. Hal ini demikian kerana, hujan merupakan satu rahmat dan nikmat dari Allah untuk memberi kesegaran kepada hidupan di bumi bukan sahaja kepada manusia malahan kepada semua makhluk. Kemunculan hujan ini sebaliknya pada hari ini dianggap satu bala yang menimpa negara dan ancaman buat masyarakat kerana melihat dari sudut implikasi kedatangannya sahaja. Ramai insan mengatakan bahawa hujan merupakan punca kepada banjir lumpur, banjir kilat, ekosistem tanah terjejas, pekerjaan seharian terganggu dan kerosakan terhadap harta benda awam. Peristiwa ini jauh sekali berbeza dengan fahaman Nabi Muhammad SAW yang amat bersyukur dengan kehadiran hujan kerana baginda akan sentiasa berdoa disebabkan berdoa ketika hujan adalah salah satu waktu mustajab untuk berdoa.

Kejadian ini dirakamkan oleh isteri dan para sahabat Rasulullah apabila hujan turun di bumi Mekah Al-Mukarramah dan Madinah Al-Munawwarah. Baginda selalu agar hujan yang turun membasahi bumi Arab hujan yang membawa rahmat dan rezeki bukannya hujan yang membawa azab dari Allah. Oleh yang demikian, Rasulullah mengajak umat Islam khususnya apabila awan di langit mula menampakkan mendung seperti hendak hujan maka segeralah berdoa. Doa meminta supaya hujan yang bakal turun nanti adalah hujan yang baik untuk manusia, makhluk dan tumbuh-tumbuhan di bumi. Tindakan walid dan Insyirah yang menadah tangan berdoa ketika hujan adalah sama seperti perilaku yang ditunjukkan oleh Rasulullah yang bersifat *Kamil*, maksum dan Al-Amin.

Peniruan sifat Rasulullah SAW juga dapat diperlihatkan melalui petikan dalam novel *Penenun Cinta*:

“Orang muda dan sekalian banyak jemaah lebih suka dengan gaya bawaannya. Mengapa tidak, memimpin tidak gopoh, malah bijak mencuri perhatian anak-anak muda dengan bacaannya yang jelas, zikirnya yang enak dan doanya yang selalu mencucuk hiba ke hati kami.

Saya tahu, dia membaca bukan dengan bibir, tetapi dengan hati. Sekalipun beliau menjadi imam untuk solat zuhur dan asar, bacaan takbiratulihram dan *takbiratulintiqalih* sudah menarik-narik khusyuk kami di belakang”.

(Ibnu Ahmad Al-Kurauwi, 2016: 64-65)

Imam tua kagum melihat kebolehan yang ada pada imam muda yang mampu membimbangi dan mengajak golongan muda untuk datang ke masjid bagi menunaikan solat dan mendengar tazkirah agama dan menganggap dia sebagai insan khalifah. Konsep ideal Insan Khalifah ini sebagaimana ditonjolkan dengan baik melalui watak imam muda. Perwatakan imam muda yang mampu menarik golongan muda melalui zikir, doa, pengucapan dan perwatakannya ada persamaan dengan Rasulullah yang cukup sempurna insan kamilnya dalam berdakwah. Meskipun tidak boleh menjadi seperti baginda, namun sikap yang dipaparkan seakan-akan menunjukkan bahawa tamsilan sikap baginda masih diperaktikkan sehingga ke masa kini.

#### **4.3 Prinsip Keislaman yang Bersifat Akmal**

Prinsip keislaman yang bersifat *Akmal* ini lebih menjurus kepada aspek *Ad-Din* iaitu agama Islam yang syumul dan sempurna. Umum mengetahui bahawa sastera yang baik dan bermutu dapat memupuk masyarakat ke arah kemurniaan dan kesejahteraan. Oleh yang demikian, bidang sastera berperanan membentuk individu dalam masyarakat melalui karya yang baik sejajar dengan nilai murni yang digagaskan dalam Al-Quran dan Hadis. Kehidupan dalam usaha mendekati agama bukan sahaja untuk tatapan mereka yang hidup sebagai orang Islam tetapi sebagai salah satu garis panduan untuk membentuk tamadun masyarakat yang berakhhlak berpandukan agama:

“Apakah Islam melarang hubungan antara lelaki dengan wanita tanpa sebarang kompromi? Setahu aku, andai aktiviti berkawan itu memenuhi had-had yang ditetapkan oleh Islam serta terangkum dalamnya niat yang murni untuk belajar sebagai contoh, sudah tentu dibolehkan. Kutahu Islam melarang duduk berdua-dua antara lelaki dengan perempuan di tempat sunyi kerana yang ketiga itu ialah syaitan”.

(Azman Ahmad, 2007: 243)

Monolog ini dituturkan oleh Insyirah terhadap Faizal yang merupakan rakannya di sekolah baru. Keinginan Faizal secara serius ingin berkawan dengannya serta perubahan Faizal secara ketara dalam mendalami ilmu agama telah membuatkan dirinya berasa kagum. Walau bagaimanapun, dalam usaha Faizal untuk berkawan dengannya secara serius, Insyirah masih meletakkan agama sebagai salah satu induk yang paling tinggi dalam persahabatan. Persahabatan yang ingin dibentuk antara lelaki dan perempuan adalah tidak salah selagi dipandu ke arah corak yang betul. Faizal yang ingin belajar bersama Insyirah dan Syila dinasihatka agar tidak menyimpang dari sudut niat dalam dirinya andai ingin terus bersahabat dengan mereka berdua.

Islam tidak menghalang seandainya seseorang itu ingin berkawan sesama sendiri tidak kira antara lelaki dan perempuan tetapi harus mempunyai batas sempadannya . Hal ini mungkin berbeza dengan corak pendekatan yang diamalkan di Barat yang sememangnya membenarkan pergaulan yang bebas antara lelaki dan wanita tanpa pengawalan ibu bapa setelah menccah usia 18 tahun ke atas. Sebagai agama yang cukup sempurna, Islam amat menitikberatkan penjagaan keturunan agar zuriat yang dilahirkan tidak terpesong dari syariat tuntutan Islam dalam usaha memelihara kesucian dan keharmonian masyarakat. Islam amat melarang umatnya untuk melakukan maksiat dan dosa besar semata-mata untuk menjaga nama baik keluarga dan agama sebagai panduan dalam kehidupan sehari-hari.

“Setiap kali kita bertahiyat kita akan gerakkan jari telunjuk, kita akan dekatkan ibu jari ke satu arah iaitu kiblat, seperti Tuhan dengan kekasih-Nya, Rasulullah. Begitulah diumpamakannya kita dengan agama; dekat dan rapat. Maka, jangan pisahkan diri kita daripada agama. Agamalah yang akan meluruskan harta ke jalan syurga atau neraka!” syarahan ayahanda lagi.”

(Ibnu Ahmad Al-Kurauwi, 2016: 126)

Catatan ini ditulis oleh imam tua kepada adik beradiknya. Beliau menjelaskan seorang ayah sememangnya tidak lari dari egonya yang tinggi, namun jauh dari sudut hati seorang ayah itu inginkan anaknya mempunyai ilmu agama yang tinggi. Tindakan membekalkan seorang anak dengan ilmu agama yang cukup dan sempurna serta mendidiknya supaya menjadi anak yang soleh akan memastikan amal jariah kepada mereka seandainya tiada lagi di dunia. Perkara ini yang dinyatakan oleh imam tua kerana menyedari bahawa jauh dari sudut hati ayahnya inginkan dia berjaya di dunia dan akhirat kerana agama Islam yang dimiliki akan memberi jaminan kecemerlangan menuju ke syurga Allah yang indah. Oleh yang demikian, agama yang syumul diimpikan oleh semua ayah dan merupakan satu hajat yang begitu besar seandainya dapat diimplementasikan dari darah dagingnya sendiri.

Ramai masyarakat pada masa kini memandang bahawa akademik yang cemerlang dan kerjaya yang bagus mampu membahagiakan mereka serta kedua ibu bapa mereka. Tetapi, pada hakikatnya jauh di sudut hati ibu dan ayah mengimpikan anak mereka turut hebat dalam melaksanakan ibadah kepada Allah. Kenyataan ini selari dengan Hadis yang dinukilkan oleh Rasulullah yang diriwayatkan oleh Imam Muslim. Dari Abu Hurairah r.a bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda bahawa “*apabila meninggalnya seorang anak Adam, maka terputuslah segala amalnya kecuali tiga perkara; sedekah jariah, ilmu yang memberi manfaat kepada orang lain atau anak yang soleh yang berdoa untuknya*”. Doa anak yang soleh kepada kedua ibu bapa mereka sesudah mati menjadi impian ayah kepada imam tua sebagai tanda berbakti kepadanya walaupun sudah tiada.

#### **4.4 Prinsip Ilmu dengan Sastera yang Bersifat Takamul**

Menerusi elemen sastera, kedua-dua buah novel memaparkan genre puisi sebagai salah satu kaedah penyempurnaan:

*“Rintik hujan tidak dipandu oleh indera.  
Tidak diseru oleh puja mantera  
Tetapi Tuhan yang empunya kuasa.  
Hujan bala yang menimpa atau titisan rahmat yang Esa.  
Terlindung segala ketentuan dalam qadak  
dan qadar-Nya.  
Benar, kalam Tuhan itu pernah merakam:  
Kusembunyikan daripada pengetahuan manusia,  
Lima perkara, hari perhitungan Tuhan, bilakah  
waktunya,  
Hujan, di manakah turun rintiknya,  
Bayi dalam kandungan, apakah jantinanya,  
Amalan keesokannya, apakah baik  
atau jahat usahanya,  
Di bumi manakah tempatmu disemadikan....”*

(Azman Ahmad, 2007:117-118)

Puisi ringkas ini dihasilkan oleh Insyirah ketika termenung memikirkan tentang nasib walidnya, rakannya iaitu Syila dan Faizal dan sikap remaja yang suka berfoya-foya. Insyirah cuba menyampaikan sesuatu yang berbentuk nasihat khusus kepada golongan

remaja agar sentiasa tidak alpa kepada Sang Pencipta dan tidak lalai dalam melakukan sesuatu aktiviti. Puisi ini juga memaparkan konsep hujan sebagai buah fikiran Insyirah memandangkan hujan sering kali dianggap sebagai suatu bala dalam pemikiran sesetengah masyarakat. Selain itu, puisi ini juga mengetengahkan bahasa yang baik dan interpretasi makna yang mendalam untuk dihayati dalam usaha Insyirah memaparkan kebijaksaan akal fikiran dalam berfikir. Elemen sastera sebagai salah satu bauran nasihat melalui gurindam pula turut ditamsilkan dalam teks novel *Penenun Cinta*:

*“Apa itu tanda belajar,  
Rela berguru kepalang diajar.  
Dunia dipegang akhirat dikehjera!*

*Apa itu tanda belajar,  
Duduk menanti sambil mendengar.  
Jahil diasuh dengan sabar!*

*Apa itu tanda berguru,  
Menunduk nafsu jauh sompong laku.  
Apa itu tanda berguru,  
Berlapang dada menuntut ilmu  
Setitis air melekukkan keras batu.*

(Ibnu Ahmad Al-Kurauwi, 2016: 147)

Gurindam tersebut dituturkan oleh watak anak iaitu imam tua kepada muridnya sebagai pemula ketika mereka memulakan kelas mengaji. Gurindam yang merupakan salah satu dibawah induk kata kunci puisi telah dilafazkan oleh imam tua sebagai tanda muqaddimah ilmu ketika hendak mengajar bagi memastikan ilmu dan sastera bergerak seiring. Hal ini bertepatan dengan Shafie Abu Bakar (1997: 136), yang memberi tamsilan sastera (puisi) dijadikan alat bagi merumuskan intisari ilmu dan persoalan-persoalan tertentu. Elemen gurindam yang berwajah sastera diselaraskan dengan ilmu Al-Quran yang ada dalam diri imam tua. Gurindam itu diungkapkan merupakan satu kaedah imam tua menegur secara berlapik dan tersirat menggunakan sastera kepada muridnya dalam menuntut kesungguhan dalam mengaji Al-Quran. Intisari ilmu dapat dilihat melalui interpretasi dalam bait gurindam yang menuntut seorang anak murid supaya taat kepada seorang guru meskipun guru dan anak murid mempunyai pertalian yang kuat.

Melalui konsep menuntut ilmu, perkara tersebut perlu diketepikan dan seharusnya ditampilkan sikap kesungguhan dan kesabaran ketika hendak mempelajari sesuatu ilmu. Gurindam di rangkap pertama menyeru bahawa ilmu yang ingin dipelajari wajarlah dihabiskan dan usah menuntut sekadar sekerat jalan. Gurindam rangkap kedua pula dimadahkan oleh imam tua kepada anak muridnya supaya sentiasa fokus dalam pembelajaran Al-Quran dan sabar andai dimarahi. Kemarahan yang dilakukan adalah sebagai satu proses belajar dan tanda sayang antara guru dan anak murid. Gurindam ketiga pula mengajak anak murid supaya jangan sesekali sompong apabila mempunyai ilmu yang banyak sebaliknya perlu dikongsikan kepada masyarakat. Di samping itu, perlu senantiasa berlapang dada agar ilmu mudah dicerap dan jauh dari sifat hati yang keras. Perilaku sedemikian akan membuktikan bahawa sastera bersifat takamul kepada ilmu dan ilmu pula takamul kepada sastera.

#### **4.5 Prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah**

Melalui prinsip kelima dalam teori Takmilah ini, prinsip sastera yang berciri estetik atau keindahan ini boleh dianalisis melalui dua aspek iaitu aspek lahiriah atau luaran dan aspek maknawi iaitu secara dalaman. Dalam konteks ini juga, pengarang menampilkkan diksi dan

imej yang berusaha mendidik pembaca dengan bahasa yang berhemah dan menyentuh perasaan.

#### *Aspek Lahiriah*

Melalui prinsip ini, karya diperhatikan menerusi kandungannya yang bercirikan lahiriah, iaitu yang mengandungi teknik penciptaan sesebuah karya seperti bentuk, struktur, plot, watak, bahasa, nada, diksi, stilistik, rima, ritma, matra, suku kata, asonansi dan aliterasi. Petikan dalam kedua-dua novel dari sudut sisi pandangan aspek lahiriah dan aspek maknawi dapat diperhatikan melalui petikan berikut:

“Syila, bukan aku tidak usahakan untuk membantumu, tetapi aku hanyalah umpama seekor pipit yang kecil sedang menakung air di paruhnya untuk memadamkan api yang marak membakar sarwajagat imanmu. Mampukah aku membantumu memadamkannya? Tetapi syila, sekurang-kurangnya aku sudah ikhtiarkan mogamoga tidak dipersalahkan Tuhan di hadapan-Nya kelak. Kini, terpulanglah kepadamu Syila untuk memadamkannya dengan hikmah dan kebijaksanaanmu sebagai seorang anak. Batasi dirimu dengan ilmu agama. Jangan tinggikan suaramu di hadapan ayahmu. Andai benar ayahmu jauh daripada hidayah Allah, bantulah dengan doa setulus hati. Andai hanyut dipintas, andai hilang dicari.”

(Azman Ahmad, 2009: 133)

“Akak, sampaikanlah pesan saya kepada sahabat akak itu bahawa tiada lebihnya kita menggunakan khidmat lelaki berjubah putih untuk memperingatkan kita tentang ibadat? Memadai Allah dan rasul-Nya menitip pesan melalui firman dan sabda junjungan. Bukankah yang paling afdal mengingat dan mengajar Ramadan tentang amal ibadat ialah kedua-dua ibu bapanya? Kenapa gadaikan masa depan anak-anak dengan ilmu perbomohan? Ilmu seperti itu bukanlah kerjaya yang terbaik untuk anak-anak seusia Ramadan. Anak itu tidak memerlukan ilmu perubatan untuk menjamin masa depan. Dia memerlukan ilmu untuk mengenal Tuhan. Ramadan mesti dibimbing dengan al-Quran dan hadis dan juga dibimbing dengan guru-guru yang muktabar yang boleh dipegang dan dirujuk”.

(Ibnu Ahmad Al-Kuraawi, 2016: 42)

Dua petikan di atas mengandungi beberapa aspek lahiriah yang boleh mengetengahkan sastera yang bersifat estetik. Plot penceritaan situasi sedemikian dirakamkan oleh Insyirah kepada rakannya Syila yang sudah lama beliau tidak ketemu. Catatan berupa diari itu ditulis sebagai monolog dalaman Insyirah kepada Syila setelah ayah Syila iaitu Haji Hussim tidak lagi membenarkan Syila ke surau dan bersahabat dengan dirinya. Penceritaan plot ini khusus menceritakan tentang Syila agar lebih tabah dalam menghadapi ujian yang sedang dihadapinya melalui nasihat yang cuba dihulurkan oleh Insyirah. Plot penceritaan novel *Penenun Cinta* pula dipetik melalui e-mel yang dikirimkan oleh sahabat buat rakan karibnya kepada imam tua ketika sedang bekerja. Plotnya melibatkan kisah watak seorang anak bernama Ramadan yang dikatakan mempunyai magik dan mampu berhalusinasi dengan makhluk selain dari manusia. Plot yang lebih memerlukan apabila dikatakan Ramadan mempunyai ilmu laduni setaraf dengan Ustaz Harun Din dan Ustaz Ismail Kamus.

Aspek asonansi melibatkan pengulangan vokal di setiap kata dalam sesuatu ayat. Kenyataan ini dapat dinilai melalui ayat berikut, “Mampukah aku membantumu memadamkannya? Tetapi syila, sekurang-kurangnya aku sudah ikhtiarkan mogamoga tidak dipersalahkan Tuhan” dan “Andai benar ayahmu jauh daripada hidayah Allah, bantulah dengan doa”. Pemerhatian melalui petikan ini juga dengan jelas menunjukkan

pengulangan vokal ‘a’ digambarkan dengan begitu banyak melalui petikan dalam novel *Insyirah*. Penggunaan aliterasi pula dapat diperlihat melalui petikan berikut, “*bukan kau tidak usahakan untuk*” dan “*Andai hanyut dipintas, andai hilang...*”. Pengulangan konsonan ‘k’ dan ‘n’ di baris ayat tersebut turut menjadikan estetiknya novel *Insyirah* menggunakan perspektif Takmilah. Asonansi yang melibatkan pengulangan vokal dalam petikan novel *Penenun Cinta* dapat dilihat melalui baris ayat berikut, “*Akak, sampaikanlah pesan saya kepada sahabat akak*” dan “*Bukankah yang paling afdal mengingat dan mengajar Ramadan tentang amal ibadat ialah kedua-dua*”. Pemerhatian ini sudah jelas menunjukkan berlakunya pengulangan vokal ‘a’ dalam dua baris ayat berkenaan yang menggambarkan estetika dalam petikan ayat novel *Penenun Cinta*. Penggunaan aliterasi pula dapat dilihat melalui ayat berikut “*depan anak-anak dengan*” dan “*juga dibimbing dengan guru-guru yang*”. Pengulangan konsonan dapat dilihat melalui huruf ‘n’ dan ‘g’ yang terdapat dalam petikan berkenaan. Aspek asonansi dan aliterasi ini berbeza dengan suku kata terbuka dan suku kata tertutup iaitu asonansi dan aliterasi hurufnya berulang tidak kira di depan, tengah dan belakang berbanding suku kata hanya melibatkan huruf di belakang sahaja.

#### *Aspek Maknawi*

Ciri maknawi pula adalah berkaitan isi, tema, idea, mesej, sudut pandangan, nilai, simbol, metafora, alegori, simile, personifikasi dan citra yang diadun dengan baik oleh pengkarya. Isi keseluruhan cerita antara kedua-dua novel tidaklah menampakkan jurang yang ketara meskipun berbeza jarak selama tujuh tahun penerbitannya. Keseluruhan isi cerita kedua-duanya menarik disebabkan perjalanan cerita mengetengahkan sifat-sifat kebesaran Allah di samping watak seorang insan yang berjiwa zuhud dalam menegakkan syiar agama Islam. Dari aspek takmilah, tema yang baik sajalah yang dapat memperbaiki dan mentakmilah jiwa individu dan masyarakat. Namun, tidak bererti tema yang buruk mengarah kepada imej yang buruk; terpulang kepada sudut pandangan pengarang atau sasterawan. Bagaimanapun dalam tradisi Sastera Islam, tema yang lebih rapat dengan nilai-nilai keislaman lebih utama dijadikan tema-tema Ssatera Islam kerana lebih dekat dan sempurna dari segi takmilah. Contohnya, tema-tema berkenaan tuhan, nabi, para sahabat, tabii, aulia, ulama, salihin dan pahlawan Islam. Tema novel *Insyirah* dan novel *Penenun Cinta* secara keseluruhannya dilihat sememangnya berkaitan konsep keagamaan yang bersifat takmilah.

Unsur-unsur mesej dapat dianggap sebagai unsur yang bertalian di dalam proses penghasilan sesebuah karya sastera. Sastera Islam yang didokongi oleh sasterawan Muslim seharusnya mempunyai pandangan yang menjurus ke arah pandangan keislaman. Shafie Abu Bakar menjelaskan bahawa mesej dari sudut hasruslah bersifat positif selaras dengan nilai-nilai Islam yang mentakmilahkan keinsanan dan sebarang jaringan yang berhubungan dengannya (dalam Sahlan Mohd Saman, 1999: 61). Mesej yang cuba disampaikan melalui kedua-dua novel berpaksikan kepada kekhilafan diri sendiri, konflik agama, pengabdian diri kepada Tuhan dan kisah kekeluargaan. Kesemuanya mengajak agar masyarakat taat kepada perintah agama dan menjalani kehidupan berlandaskan syariat. Persis petikan berikut yang dicatat oleh Insyirah dan imam tua. Insyirah berusaha membawa sinar baru ke dalam diri Syila supaya sentiasa berpegang teguh kepada pegangan agama untuk diterapkan dalam kehidupan ahli keluarganya. Teguran imam tua pula agar sahabat kepada pemilik asal e-mel tu segera menyelamatkan anaknya Ramadan dari terus hanyut ke lembah kesesatan dari segi akidah dan akhlak.

#### **4.6 Prinsip pada Pengkarya yang Seharusnya Mengistikmalkan Diri**

Bertolak daripada kenyataan tersebut, menyoroti sejarah hayat kehidupan penulis novelis *Insyirah* dan *Penenun Cinta* Ibnu Ahmad Al-Kurauwi, beliau sebenarnya sememangnya

dikenali sebagai novelis yang cenderung menghasilkan karya yang menjurus kepada persoalan keislaman. Hal ini boleh dikaitkan dengan bidang pembelajaran beliau yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Jordan. Nama pena yang beliau gunakan juga bertitik tolak dari nama penulis Arab yang menjadikan bidang penulisan sebagai budaya dalam kehidupan mereka. Misalnya di negara Arab, budaya si anak memakai nama ayah dan si ayah menumpang nama si anak seperti Ibnu Khaldun yang membawa erti anak lelaki Khaldun. Oleh yang demikian, pemilihan nama Ibnu Ahmad berpunca dari atas berkenaan dan Al-Kuraawi diambil sempena nama tempat kelahiran beliau.

Sebelum menghasilkan novel *Penenun Cinta* yang bercorak keislaman ini, beliau juga ada menukarkan beberapa buah karya yang bercorak Islam iaitu *Tinta Elipsis*, *Punya Cinta Ramadan* dan *Namaku Bukan Maria*. Kesemua genre novel beliau ini boleh dikatakan mengetengahkan persoalan Islam yang baik dari segi plot mahupun perceritaannya. Di samping itu, beliau ada juga menghasilkan karya puisi seperti “*Kami Hanya Pengagung Cipta-Mu*”, “*Di Laman Kenangan Nenda*”, “*Degup Jantung Di Kelarai Nyawa*”, “*Di Madrasah Hujan*” dan “*Manis Yang Ke-7*”. Perwatakan beliau sepanjang hayatnya mengikut kenyataan dari rakan-rakan sekerja DBP dan ahli keluarganya, beliau merupakan imam Al-Hukama DBP dan kerap menjadi khatib di khutbah Jumaat. Beliau seorang penggiat dalam tulisan Jawi malah merupakan penyumbang klinik Jawi di IKIM FM yang bersiaran setiap hari sabtu jam 9.30 pagi. Pemakaian beliau ke pejabat sentiasa kemas, formal dan bersongkok. Senario kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa Ibnu Ahmad Al-Kuraawi bukan sahaja seorang penulis yang mampu menghasilkan sebuah karya yang bercorak Islamik dalam bidang penulisan, malahan secara realiti dalam kehidupannya juga adalah sama seperti mana yang beliau kemukakan perwatakan watak-watak dalam karyanya.

#### **4.7 Prinsip Khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan kamil**

Shafie Abu Bakar mengatakan bahawa khalayak merupakan sasaran bagi penghasilan karya sastera. Sastera sebagai suatu bidang keilmuan pula berperanan memenuhi kehendak khalayaknya. Penghasilan sesebuah karya sastera tidak bermakna, seandainya tidak sampai kepada khalayak.

Pendidikan merupakan aspek yang cukup penting bagi semua masyarakat. Kenyataan ini tidak kira kelompok minoriti atau majoriti, miskin atau pun kaya serta kepelbagaian bangsa sudah pasti akan mengakui kepentingan pendidikan dalam kehidupan. Situasi yang memaparkan unsur pendidikan kepada khalayak jelas melalui petikan berikut:

“Aku lihat remaja sebaya kita ini cerdik-cerdik. Teknologi komputer ini kadang-kadang di hujung jari mereka sahaja. Malah komputer dan mereka seolah-olah tidak boleh dipisahkan. Apatah lagi dengan kemunculan internet sebagai medium paling pantas memberi dan menyebarkan maklumat. Aku cadangkan agar KEMARAU kita turut merebut peluang yang sama dalam kecanggihannya untuk menyediakan bahan alternatif kepada jemaah dan remaja kita. Taklah mereka habiskan masa dengan melayan perkara-perkara yang tak tentu hala itu,”

(Azman Ahmad, 2009: 172)

Syla, Idah dan Insyirah merasakan bahawa surau mereka perlu bergerak seiring dengan kemajuan teknologi yang dikecapi. Hal ini demikian kerana, surau mahupun masjid sering dianggap sebagai tempat golongan tua atau mereka yang uzur untuk dikunjungi bukan sebagai tempat untuk golongan remaja berkumpul. Oleh itu, mereka bercadang mewujudkan sebuah laman sesawang khusus untuk mengimarahkan surau mereka dengan strategi untuk mengajak golongan muda khususnya remaja untuk datang ke surau saban

waktu. Aspek pendidikan yang cuba digerakkan oleh mereka bertiga lebih bercorak ke arah digital memandangkan mereka bertiga yang bergelar remaja amat mengetahui bahawa dengan kaedah sedemikian mampu menarik minat golongan anak muda seusia mereka. Teknik sedemikian akan menjadikan surau bergerak seiring dengan era globalisasi dan menjadi salah satu bentuk pendidikan alaf baru. Pendidikan bercorak teknologi tidak dihalang oleh Islam andainya pengisiannya memberi manfaat dan berguna kepada masyarakat. Petikan ini juga seakan memberi teguran kepada ibu bapa bahawa jangan mereka ketinggalan di arus komodenan pendidikan khususnya melibatkan pendidikan di laman sesawang. Perkara ini supaya ibu bapa dapat melihat kegiatan dan pembelajaran anak-anak mereka tanpa disalahgunakan serta dapat mengawasi selalu pergerakan anak mereka.

Konteks pendidikan bukan sahaja difahami dan diajari ketika di sesi persekolahan sahaja malahan turut merangkum pendidikan dalam keluarga dan pendidikan dalam hidup bermasyarakat. Fahaman pendidikan terutama dalam komuniti masyarakat dapat diperihalkan melalui situasi berikut:

“Sudahlah mereka pisahkan anak-anak saya, tiada pula pegawai masjid yang mahu mengawal dan membimbing solat mereka. Pastilah, anak-anak tanpa kawalan ibu bapa, akhirnya mereka hanyut dalam dunia mereka sendiri!” rungut wanita itu dengan kecewa berjela-jela.”

(Ibnu Ahmad Al-Kuraawi, 2016: 272)

Imam tua menerima rungutan dari ibu bapa yang membuat aduan tentang larangan yang dikenakan oleh seorang pengawai masjid kepada mereka, angkara membawa anak solat bersama di masjid. Tindakan sedemikian adalah salah menurut agama Islam dan bercanggah dengan amalan yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Hal ini disebabkan anak-anak kecil yang mengikuti ibu bapanya ke masjid untuk solat meskipun belum mencapai umur baligh sudah pasti akan berasa jauh dengan amalan solat seandainya larangan tersebut dikenakan.

Tindakan pengawai masjid berkenaan telah mengundang rasa tidak senang dan ketidakpuasan hati kepada imam tua disebabkan amalan ibu bapa membawa anak-anak ke masjid adalah untuk mendekatkan hati anak-anak mereka dengan rumah Allah, serta memupuk amalan solat semenjak usia kecil. Sekiranya, perkara ini dilarang, sudah pasti budaya solat yang menjadi kewajipan kepada ibu bapa ke atas anak-anak mereka sukar untuk dipupuk dan dididik. Petikan itu juga mempersoalkan tentang sikap segelintir masyarakat yang merasakan bahawa anak-anak wajar berada di baris belakang dari saf orang dewasa. Situasi ini juga menjadi satu bahana yang akan mengundang kelalaian dalam jiwa anak-anak untuk meniru dan mengikuti tingkah laku ayah dan ibu mereka ketika solat seandainya mereka jauh dari pemantauan. Oleh yang demikian, aspek pendidikan khusus bagi ibu bapa dan pasangan suami isteri yang telah mempunyai cahaya mata dalam mengajar anak-anak mereka menunaikan dan mempraktikkan amalan solat adalah salah satu intipati utama yang diketengahkan melalui novel ini.

## 5. Rumusan dan Cadangan

Secara konklusinya, kesemua tujuh prinsip teori Takmilah iaitu prinsip Ketuhanan yang bersifat *Kamal*, prinsip Kerasulan sebagai insan *Kamil*, prinsip Keislaman yang bersifat *Akmal*, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat *takamul*, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat *takmilah*, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri serta prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *Kamil* menjadi aspek yang cukup dominan untuk diketengahkan dalam keseluruhan cerita kedua-dua novel ini. Perwatakan, kisah, watak dan plot lakaran Ibnu Ahmad Al-Kuraawi

amat bertepatan dengan teori Takmilah nukilan Shafie Abu Bakar dalam memastikan novel bercorak keislaman kekal mengukuhkan hubungan manusia dengan manusia dan hubungan insan dengan Pencipta. Sesungguhnya, *Insyirah* dan *Penenun Cinta* adalah manifestasi hubungan antara manusia dengan khalifah di Bumi Allah.

Pengkaji mencadangkan bahawa teori sastera tempatan mahupun bersifat kontemporari wajar dipraktikkan dan diperkembangkan. Hal ini demikian kerana, teori sastera tempatan pada masa kini kurang mendapat tempat dan diketahui oleh generasi muda. Teori yang bercorak Islam perlu dianalisis penggunaannya terhadap sesuatu karya agar aliran sastera dapat disulami dengan panduan Islam yang sebenar. Novel yang berkonsep ilmiah mahupun akademik bukan sahaja terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka malahan syarikat buku terbitan yang lain perlu dipasarkan secara lebih kerap. Meskipun novel popular lebih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat dan dicetak secara berulang kali namun fenomena tersebut tidak boleh menjadi punca novel ilmiah dicetak dengan jumlah yang terhad. Penguasaan terhadap teori sastera tempatan akan menjadikan bidang eseи kritikan sastera semakin berkembang di Malaysia serta tidak mudah diabaikan kemaslahatannya.

## Rujukan

- Engku Ibrahim Ismail (2011) menegaskan bahawa kreativiti manusia hanya hadir dari rahmat Allah *the divine mercy* yang memancar keluar di dalam hati atau jiwa yang safi.
- Hashim Awang (2011) menjelaskan bahawa manusia berusaha ke arah melakukan kreativiti yang dapat mencapai taraf kesempurnaan.
- Hassan Hanafi (1981) menjelaskan bahawa penulis-penulis Islam harus menjiwai penulisannya dengan roh-roh keislaman.
- Ismail Ibrahim (2011) memperkatakan bahawa proses kreativiti dalam konteks teori Takmilah memerlukan komitmen penulis.
- Kamariah Kamarudin (2016) menganalisis tiga karya iaitu *Revolusi yang Ditangguhkan* karya Shahnon Ahmad, novel *Pasir Lintang* karya S.M. Noor dan *Kuasa Kata dari Lisan Mengalir ke Lautan Aksara* karya Mahaya Mohd. Kassim.
- Mustafa Haji Daud (2009) menyatakan bahawa aspek pengindahan dan penyempurnaan karya dalam teori Takmilah berpaksikan kepada tiga nilai iaitu keindahan, kebenaran dan kebaikan.
- Nordin Mohamad (1997) menilai teori Takmilah dalam karya Shahnon Ahmad.
- Rafeah Sapari (2005) menerapkan teori Takmilah untuk mengkaji dan membandingkan nilai yang bertema keislaman.
- Rahmanmat (1997) mengatakan usaha membangunkan masyarakat Islam melalui Sastera Islam perlu berlandaskan pengetahuan Islam.
- Ros Zakaria (2002) melihat aspek nafsu dalam novel Shahnon Ahmad.
- Shafie Abu Bakar (1997) memberi tamsilan sastera (puisi) dijadikan alat bagi merumuskan intisari ilmu dan persoalan-persoalan tertentu.
- Shafie Abu Bakar (1999) mengatakan bahawa tidak ada karya ciptaan manusia yang mampu menyamai apatah lagi menandingi Al-Quran.
- Shafie Abu Bakar (1999) menjelaskan bahawa mesej dari sudut haruslah bersifat positif selaras dengan nilai-nilai Islam yang mentakmilahkan keinsanan dan sebarang jaringan yang berhubung dengannya.
- Shafie Abu Bakar (2005) melakukan analisis teori Takmilah dalam ‘Teks *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin*: Sebagai Model Sastera Islam’ dan ‘Kau dan Aku’.